

# 'Mata air' keluar daripada sawah kering kontang

**Bagan Serai:** Sehari selepas solat sunat Istisqa' atau memohon hujan diadakan di pekarangan pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Bukit Merah Jumaat lalu, satu keajaiban berlaku di Kampung Parit Tiga, Jalan Gula, Selinsing, di sini, apabila muncul air dipercayai 'mata air' keluar dari tengah sawah bendang yang kering kontang.

Penemuan terbabit mengejutkan pemilik sawah dan penduduk sekali gus menunjukkan kebesaran Allah yang sentiasa menderang permohonan hamba-Nya.

Pemilik sawah, Shuaib Masran, 44, berkata beliau menemui mata air itu ketika melakukan kerja menabur garam di sawah padinya bagi tujuan penyuburan tanah sebelum memulakan proses menanam padi pagi Sabtu lalu.

"Sewaktu memulakan kerja, saya perasan satu kawasan di tengah sawah kelihatan seperti basah sedangkan kawasan lain kering kontang.

"Saya segera memeriksa kawasan berkenaan dan sebaik tiba di situ, saya seakan tidak percaya melihat terdapat saluran air keluar dari tengah-tengah sawah yang kering kontang," katanya.

Shuaib berkata, Khamis lalu, ketika menghantar guni garam di lokasi berkenaan untuk ditabur pada hari Sabtu, beliau tidak menemui mata air itu.

"Sudah lebih 30 tahun saya mengerjakan sawah padi di lokasi ini namun tidak pernah menemukan sesuatu seperti ini. Semua ini adalah kebesaran Allah dan ada hikmah di sebaliknya kejadian.

"Buat masa ini, tidak ada perancangan dibuat di lokasi itu sebaliknya hanya membiarkan saluran mata air itu di situ dan saya juga akan bekerjasama dengan mana-mana pihak sekiranya mereka berminat mengkaji punca ke-



**Mohd Nazri memeriksa saluran mata air yang dijumpai di sawah kering kontang di Bagan Serai, semalam.**

[FOTO SHAFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI/BH]

wujudan mata air itu," katanya.

Dalam pada itu, seorang pemandu jentera membajak sawah, Mohd Nazri Rosli, 28, berkata dia yang melakukan kerja menolak tanah di sawah berkenaan juga tidak menemukan mata air itu sebelum ini.

## **Air keluar begitu sejuk**

"Sepanjang lima tahun melakukan kerja membajak dan menolak tanah di daerah ini, inilah kali pertama saya melihat mata air muncul di tengah sawah padi yang kering dan lebih mengejutkan apabila ia muncul pada waktu kemarau," katanya.

Mohd Nazri berkata, dia yang seakan tidak dipercayai kewujudan mata air itu turut memasukkan tangan ke lokasi mata air itu dan mendapati terdapat lubang sebesar botol susu terus ke perut bumi.

"Apa yang mengejutkan, air

yang keluar dari celah lubang itu begitu sejuk namun berbau seperti belerang. Apa pun tanggapan kita, ini adalah kebesaran Allah SWT," katanya.

Tinjauan media ke lokasi mendapati, air di lopak berkenaan masih keluar tanpa henti walaupun kewujudannya sudah memasuki hari kedua.

Sementara itu, Pakar Geologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Tajul Anuar Jamaludin, berkata ada kemungkinan berlaku keadaan itu sekiranya terdapat hujan di kawasan hulu.

"Ada kemungkinan air itu adalah 'telaga artesian', yang terjadi selepas hujan di kawasan hulu. Air yang meresap di dalam tanah kemudian menuruni kawasan cerun dan apabila terkumpul di kawasan rendah ia (mata air) akan keluar di permukaan akibat tekanan," katanya.



Penemuan 'ajaib' mata air **mengejutkan penduduk kampung.**